

Mencari Pasangan Hidup Di Luar Rumah

Masyarakat hidup pemudi-pemudi di zaman ini berlainan sekali dengan keadaan masyarakat hidup pemudi-pemudi zaman silam. Masyarakat hidup pemudi di zaman ini, sedang menghadapi beberapa *mushkilah* (*problem-problem*) yang bertentangan dengan adat dan tata tertib hidup yang sudah dialami dan sedang dijalani oleh ibu-ibu dan nenek-nenek mereka di rumah. Di antara *mushkilah - mushkilah* tersebut ialah, *mushkilah* mencari pasangan hidup yang bersesuaian dengan kemahuan jiwa gadis-gadis itu sendiri, atau dengan perkataan yang lebih tegas: “*Mushkilah* perkahwinan.”

(Oleh : Puteri Balqis)

Gadis-gadis Zaman Dahulu:

Di zaman 50 tahun yang silam, kalau seorang pemuda ingin mencari pasangan hidupnya, ia lebih dahulu haruslah mengutus seorang perempuan tua untuk memperhatikan gerak-geri anak-anak gadis yang berada di kampung atau di kota tempat ia tinggal, bagaimana kelakuannya, dari mana asal keturuannya dan siapa kedua ibu bapanya?

Manakala sudah didapati yang pemuda itu sudah bersetuju untuk meminang si gadis yang digambarkan oleh utusan penyelidikannya itu, maka ia pun mengutus pula ibu atau nenek atau sesiapa sahaja di antara kaum keluarganya, pergi ke rumah ibu bapa atau keluarga si gadis pujaan hatinya itu untuk menyatakan hasrat hati pemuda yang ingin menyunting bunga mekar yang menjadi ratu perhiasan rumah itu.

Gadis-gadis zaman dahulu hanya dapat melihat rupa paras dan bentuk badan pemuda-pemuda bakal suaminya itu dari celah-celah bibir ibu atau neneknya waktu mereka menggambarkan sifat-sifat bakal suami yang akan menjadi

pasangan hidupnya itu. Gadis-gadis zaman dahulu terpaksa menundukkan kepala, mengejamkan kedua-dua belah mata dan mengeluarkan keringat malu sewaktu duduk di samping pemuda bakal suaminya di atas jinjang pelamin.

Gadis-gadis Zaman Sekarang:

Tetapi pemudi-pemudi atau gadis-gadis zaman sekarang – terutama sekali gadis-gadis terpelajar yang tinggal di kota-kota besar – yang mengaku bahawa mereka adalah terdiri daripada “pemudi-pemudi angkata baharu”, tidak mahu lagi hidup terkurung di bawah naungan adat-adat kuno yang masih lagi dipegang teguh oleh golongan ibu bapa dan datuk nenek mereka yang masih hidup di zaman moden ini.

Kalau mereka mahu mencari pasangan hidup, tak payah menunggu orang datang melamar ke rumah ibu bapa mereka, pergi sahaja keluar bersia-siar ke taman bunga, ke pinggir laut, di sana nanti boleh bertegur sapa dan bebas

berkenal-kenalan dengan pemuda-pemuda remaja yang berkeliaran mencari mangsa. Pilih sahajalah mana satu yang dipandang manis menurut pandangan hati muda untuk dijadikan pasangan menempuh gelombang samudera hidup di alam maya ini.

Walau macam mana pun kerasnya laungan suara pemuda pemudi angkatan baru untuk membasmi dan menghapuskan adat dan tata tertib hidup secara lama yang mereka anggap kuno dan sudah lapuk itu, namun begitu masyarakat umum hari ini sebahagian besar daripadanya masih tetap menentang dan mengutuk adat tertib hidup cara moden ala Barat yang diagung-agungkan oleh pemuda-pemudi angkatan baru itu.

Mangsa Melanggar Adat Ketimuran:

Hasil dari penentangan-penentangan hebat yang dilakukan oleh ibu bapa terhadap gadis-gadis remaja mereka yang sedang tergila-gilakan cara penghidupan

Alam Wanita

Alam Wanita

bebas yang diambil dan ditiru dari dunia Barat itu, maka sering kali terjadi perhubungan-perhubungan sulit yang dilakukan di luar rumah tangga, di belakang pengetahuan kedua ibu bapa di antara si pemuda dengan si pemuda pujaan hatinya itu.

Tetapi sayang sekali, boleh dikatakan 80% hasil dari perhubungan-perhubungan sulit yang dilakukan di belakang layar kesopanan itu, berkesudahan dengan tragedi-tragedi yang amat menyedihkan, yang mana segala tragedi-tragedi tersebut hanya tertanggung bebannya di atas pundak si gadis sahaja, sedang si pemuda dengan berleumpang tangan dan mengorak senyum meninggalkan mangsa-mangsa yang telah diperkosa dan dinodai dengan secara kejam dan mengerikan itu.

Memandang kepada besarnya bahaya perhubungan bebas yang dilakukan oleh golongan pemuda-pemudi di zaman baru yang sampai mencemarkan nama baik ibu bapa dan kaum keluarga, hingga menodai kehormatan masyarakat bangsa seumumnya, maka segolongan dari pakar-pakar ilmu sosial di Kota Kaherah (Mesir) telah mengadakan suatu tinjauan bebas untuk menyelidiki kesan-kesan pergaulan pemuda-pemudi yang tidak mempunyai batasan itu, seraya mencari jalan untuk diubah dan diperbaiki.

Masih Terlalu Awal:

Ustazah Akram al-‘Aṭār – penyelia Pelajaran Sekolah-Sekolah Rendah Bahagian Mesir Utara – sewaktu ditinjau

fikirannya dalam soal ini beliau berkata:

“Soal pemuda-pemudi kita keluar rumah secara berdua-duaan bersama-sama *“boyfriendnya”* atas tujuan hendak berkenal-kenalan secara lebih mesra sebelum mereka berkahwin, adalah suatu perkara yang masih “terlalu awal” untuk dibawa masuk ke dalam masyarakat Mesir yang masih teguh berpegang kepada tata susila hidup cara ketimuran yang berlatar belakang ajaran-ajaran Islam, kerana pemuda-pemudi kita masih lagi mentah dalam cara berfikir bagi menyesuaikan jiwa mereka dengan pergaulan bebas yang mereka lakukan dengan cara meniru-niru dari pemuda-pemudi Barat yang sering kali mereka saksikan di dalam filem-filem wayang gambar di layar perak. Pergaulan bebas yang dilakukan oleh pemuda-pemudi kita itu tidak berdasarkan ilmu pergaulan secara lojik, malahan pergaulan mereka itu masih dikongkong oleh perasaan nafsu jantina¹ yang buas. Yang selalu menjadi mangsa pergaulan yang berdasarkan hawa nafsu buas ini ialah anak-anak gadis kita yang bersifat lemah dan mudah menyerah kalah di lapangan seks (jantina).

Gadis-gadis angkatan baru menurut pendapat saya – kata Ustazah Akram - “Boleh mengadakan perhubungan suci, bergaul secara bebas dengan pemuda-pemudi pujaan hatinya itu di tempat-tempat pekerjaan umum, atau di dalam rombongan-rombongan perkelahan atau di dalam persatuan-persatuan masyarakat yang mereka menjadi anggotanya.

Meskipun demikian, saya berkeyakinan bahawa mencari jodoh atau perkahwinan itu adalah

“nasib” seseorang yang telah ditentu oleh Tuhan di alam azali. Walau pun jodoh itu dicari dan dikejar ke mana-mana kalau bahagian nasibnya belum ada, maka ia tidak akan dapat memiliki pemuda atau pemudi pilihan hatinya itu” – begitulah Ustazah Akram al-‘Aṭār mengakhiri pendapatnya dalam soal pergaulan pemuda-pemudi untuk mencari pasangan hidup yang sesuai dengan kemahuan jiwa masing-masing.

Sikap Yang Keterlaluan:

Sewaktu ditinjau pula buah fikiran Ustaz Abdul Qadir Abid – Ketua Pelajaran Sekolah-Sekolah Vokasional di Kota Kaherah – berhubung dengan soal tersebut, beliau memberikan pendapatnya dengan mengatakan:

“Pergaulan dalam masyarakat bangsa kita (Mesir), sudah agak terlalu bebas, sehingga ibu bapa angkatan tua yang hidup di zaman serba moden ini, sudah bersikap berani melepaskan anak-anak gadis mereka keluar rumah dengan seorang diri untuk bercampur keluar dengan pemuda-pemudi remaja yang sebaya dengan mereka di mana-mana tempat yang disukainya. Saya berpendapat sikap yang seumpama ini sudah agak keterlaluan dan tidak sesuai dengan adab sopan dan kebudayaan kita orang-orang Timur tambahan pula sikap membebaskan anak-anak gadis tanpa batasan ini memang bertentangan dengan ajaran-ajaran agama suci yang telah kita anuti dari sejak turun-temurun.

Saya suka mengesyorkan kepada golongan ibu bapa yang telah bersikap keterlaluan memberi kebebasan secara meluas kepada anak-anak gadis mereka, agar supaya mereka itu mengadakan sekatan-sekatan yang terbatas dalam pergaulan

anak-anak gadis mereka di luar rumah yang

¹ Perkataan sebenarnya adalah jantina.

Alam Wanita

bersesuaian dengan adab sopan ketimuran dan tidak pula bertentangan dengan ajaran-ajaran agama Islam yang suci. Kalau kebebasan bergaul itu diberikan batasan-batasan yang tertentu, umpamanya sewaktu mereka berada di dalam universiti-universiti, di kilang-kilang tempat bekerja, di kelab-kelab sukan dan di majlis perjumpaan umum sahajan saya fikir itu tidaklah begitu menjolok mata orang memandang.

Pergaulan atau perkenalan di antara pemuda-pemudi yang berlaku di tempat-tempat umum yang tersebut di atas, adalah lebih manis dan lebih bersih malahan lebih berkesan untuk dijadikan dasar mencari pasangan hidup yang saling mengerti dan bersefahaman, daripada pergaulan-pergaulan atau perjumpaan-perjumpaan yang diadakan secara bersembunyi-sembunyi, berdua-duaan di tempat-tempat yang sunyi dan lengang, jauh dari pandangan² mata orang ramai, yang mana pergaulan dengan cara tersebut akan menimbulkan akibat yang buruk sekali di pandangan mata masyarakat umum.

Pengawasan Mesti Diteruskan:

Bagi kedua ibu bapa dan kaum keluarga kedua-dua belah pihak, janganlah pula merasa ragu-ragu dengan sikap berterus-terang yang dilakukan dengan secara jujur oleh putera dan puteri mereka itu. Terimalah kedatangan bakal-bakal menantu itu dengan air muka yang manis dan penuh kehormatan, di samping itu awasilah pergaulan mereka dengan diam-diam, jangan sekali

dinampakkan sikap cemburu atau mencurigai sebarang kesumbangan terhadap keduanya.

Seterusnya saya berpendapat – tambah ustaz Abdul Qadir Abid menegaskan katanya: Pergaulan di antara pemuda pemudi yang sedang memadu asmara dengan tujuan untuk mencari bersefahaman jiwa bagi menegakkan sebuah rumahtangga yang aman damai, tetapi di bawah pengawasan dari kedua ibu bapa ini, ada lebih selamat dan lebih terjamin kebersihannya daripada pergaulan-pergaulan yang dilakukan di belakang pengetahuan keduanya.

Dan lagi dengan adanya cara pergaulan yang di bawah pengawasan ibu bapa dari kedua belah pihak, si pemuda yang barangkali akan melakukan perbuatan-perbuatan durjana yang melanggar adab sopan pergaulan yang berdasarkan kesucian akhlak dan budi pekerti, akan merasa ragu-ragu dan berfikir panjang kalau ia ia berniat untuk melakukan perbuatan yang seburuk itu, paling kurang ia akan merasa malu kepada dirinya sendiri, yang mana peribadinya sudah dikenali dari dekat oleh ibu dan ayah serta keluarga si gadis yang akan dijadikan bakal isterinya itu,” begitulah Ustaz Abdul Qadir Abid menamatkan pendapatnya dalam soal pergaulan di antara pemuda-pemudi di zaman moden ini.

Sikap Yang Berlawanan:

Dr. Latifah al-Ziyāt – seorang pensyarah wanita di Universiti Ain Syams di Kota Kaherah – sewaktu diminta fikiannya dalam soal tersebut telah mengemukakan pendapatnya dengan mengatakan:

“Di dalam masyarakat kita di Mesir ini pernah didapati sikap yang berlawanan pernah dilakukan oleh ibu bapa dalam soal pergaulan di antara pemuda dan pemudi. Dalam perkara bagaimanakah yang saya maksudkan dengan perkataan “sikap yang berlawanan” itu? Biarlah saya jelaskan:

Umpamanya: Satu keluarga yang terdiri dari ibu bapa yang berjiwa separuh moden dan separuh kolot. Gadis keluarga itu belajar dalam salah sebuah universiti. Setiap mahasiswa yang belajar di dalam universiti pergaulannya tentulah agak bebas. Ibu bapa si gadis tahu yang puterinya itu ada mempunyai beberapa orang teman lelaki di universiti tempat dia belajar itu. Dari manakah kedua ibu bapanya itu tahu yang si gadis kesayangannya itu ada mempunyai *boyfriend*?

Oh ya! Tentu sahaja dari buku-buku pelajaran yang dibawa pulang oleh si gadis comel itu setiap hari. Kelmarin dulu buku si Ali dibawanya pulang, kelmarin buku si Husin dan hari ini pula kelihatan buku si Majdi ada terletak di atas meja tulisnya.

Meskipun mereka tahu bahawa anak gadisnya itu ada perhubungan dengan ketiga-tiga pemuda yang punya buku-buku itu, namun kedua ibu bapa itu tidak pernah menanyakan kepada anaknya itu, siapa si Ali dan si Husin itu? Pemuda dari mana dan anak siapa pula si Majdi? Lantaran keduanya mengerti bahawa ketiga-tiga pemuda itu tidak lain daripada kawan sepelajaran dengan si Aminah anak gadis kesayangan itu, seolah-olah

² Perkataan sebenarnya adalah pandangan-pandangan.

Alam Wanita

keduanya tidak menaruh curiga pergaulan yang dilakukan di antara anak gadisnya itu dengan ketiga-tiga pemuda universiti tersebut.

Tetapi yang anehnya, jika si Aminah pada suatu hari pulang dari universiti bersama-sama dengan teman sepelajarannya si Majdi dengan tujuan untuk diperkenalkan kepada ayah dan ibunya di rumah, maka di kala itu ia diserentang oleh ayah dan ibunya itu dengan kata-kata pahit yang memedaskan kedua anak telinga dan lantas menghalau pemuda Majdi keluar dari rumahnya, sambil mengatakan tidak manis dipandang oleh jiran-jiran di sebelah-menyebelah rumahnya seorang anak gadis remaja membawa seorang pemuda datang ke rumah kedua ibu bapanya.

Bukankah ini dinamakan suatu “sikap yang berlawanan?”. Mengapakah dari sejak bermula pergaulan anak gadis kecintaannya itu di luar rumah tidak diambil perhatian sama sekali? Tiba-tiba sewaktu si gadis itu ingin menunjukkan sikap berterus-terang di hadapan kedua ibu bapanya yang membuktikan bahawa perhubungannya dengan pemuda Majdi itu adalah bersih, jauh daripada segala sifat kecurangan, dia terus dihujani dengan kata-kata nista yang menyayat kalbu. Kalau begitu ternyatalah bahawa kedua ibu bapa itu lebih suka anak gadisnya itu mengadakan pergaulan secara sulit di belakang mata dan di luar pengetahuan.

Tanamkanlah perasaan baik sangka!:

Ini bukanlah bererti bahawa saya menggalakkan setiap anak gadis

remaja mempunyai kenalan di luar rumah itu mesti membawa setiap pemuda yang dikenalnya datang ke rumah dan memperkenalkannya kepada kedua ibu bapanya. Bukan begitu yang saya maksudkan – kata Dr. Latifah menegaskan pendapatnya itu – tetapi sewaktu anak gadis itu membawa seorang pemuda teman sekolahnya menziarahi ke rumah ibu bapa itu, maka hendaklah kedua ibu bapa si gadis itu menanamkan ke dalam jiwanya perasaan baik sangka, bahawa pemuda yang dibawa oleh anak gadisnya itu, adalah di antara beberapa orang pemuda yang telah ditapis oleh gadis itu untuk dijadikan bakal pasangan hidupnya bagi mendirikan sebuah rumahtangga yang dipenuhi suasana aman dan damai buat selama-lamanya.

Oleh sebab itulah dengan sikap berterus-terang anak gadis itu berani mengemukakan pemuda pilihan hatinya itu kepada kedua ibu bapanya dengan membawa suatu harapan semoga perhubungan suci di antaranya dengan pemuda pujaan jiwanya itu akan dapat perhatian yang sewajarnya dari kedua-dua orang tuanya.

Seterusnya saya berpendapar – tambah Dr. Latifah sambil mengerutkan keningnya mengumpul fikiran barunya – bahawa pergaulan di antara pemuda-pemudi dua sejoli yang sedang membina sebuah istana bahagia di alam khayal dengan secara berani berterus-terang meminta pengawasan dari kedua ibu bapa itu, adalah suatu pergaulan yang tidak membahayakan tetapi akan membawa kepada lebih rapatnya perhubungan jiwa mereka berdua di bawah cahaya sinaran empat biji mata yang selalu mengawasi gerak-geri mereka

daripada terpesong ke jurang penyelewengan yang melanggar sopan ketimuran dan hukum-hukum Islam yang akan mencemarkan nama baik kedua ibu bapa dan kaum keluarganya.

Kesimpulan Pendapat:

Saya selaku seorang wanita yang telah agak mahir di lapangan ilmu pendidikan, sangat menentang keras setiap perhubungan yang dilakukan oleh pemuda-pemudi kita di zaman moden ini, kalau perhubungan itu dilakukan dengan secara bersembunyi-sembunyi di sebalik cahaya kelam dengan alasan untuk menjaga kehormatan peribadi dan kerana takut menjadi buah mulut orang ramai serta melarikan diri daripada intipan mata masyarakat umum.”

Sebagai penutup kata-kata ulasannya dalam soal pemuda-pemudi “mencari pasangan hidup di luar rumah” ini, Dr. Latifah al-Ziyāt berkata:

“Ada pun pergaulan di antara gadis dan teruna mengikut tali pertunangannya itu, saya tidak melarang dua sejoli itu mengadakan perjumpaan-perjumpaan di tempat-tempat yang tertentu, seperti di maktab-maktab sukan, di majlis-majlis keramaian yang terbuka, dan di dalam rombongan-rombongan perkelahan umum yang dihadiri bersama oleh keluarga dari kedua-dua belah pihak.

Adapun melakukan perjumpaan-perjumpaan sulit secara berdua-duaan dengan empat biji mata di panggung-panggung wayang gelap, di tepi-tepi pantai, atau di kebun-kebun bunga yang jauh daripada pandangan ramai, maka itu adalah saya anggap suatu perbuatan yang melanggar adab sopan dan menyalahi

Alam Wanita

tata tertib pergaulan kita orang-orang

Timur, lebih-lebih lagi perbuatan yang

demikian itu adalah salah dari segi

agama Islam yang kita anuti,

sekalipun di antara dara dan teruna

tersebut sudah mengikat tali

pertunangan dengan secara rasmi.

Kerana Islam tidak membenarkan pergaulan

bebas dilakukan di antara lelaki dan

perempuan sebelum kata-kata "ijab

dan qabul" diucapkan di hadapan

tuan imam.

بيان تفصيلي عن جنسيات واعداد الحجاج القادمين لاداء فريضة حج هذا العام ١٣٨٨ هـ

جاءنا ان عدد الحجاج الوافدين من غير السعوديين والمقيمين بالملكة قد بلغ (٣٧٤٧٨٤) حاجا .
اي بزيادة ٢٧٧٠٦٥ حاجا عن مثلهم في العام الماضي .

الاردن	٥ ١٧٩	الصين الوطنية	٨
الجزائر	٧ ٥٣	الفلبين	٢ ٨٢٣
السودان	٢١ ٦٤٩	الهند	١٦ ٨٥٤
العراق	٢٤ ٨٥٧	اندونيسيا	١٧ ٠٦٢
الكويت	٦ ٦٨٤	ايران	١٣ ٦٤٣
المغرب	٩ ٤٤٩	باكستان	٢٧ ٤٠٣
اليمن	٥١ ٥٧٧	ميلان	٤٥٠
تونس	١ ٣٤٩	سنغافورا	٢٥٥
سوريا	١٢ ٨١٤	كمبوديا	٨٠
لبنان	٣ ٩٠١	تركيا	٥١ ٠٥٥
ليبيا	١٦ ٥٦٥	تايلاند	٢ ٣٩٩
مصر	١٢ ٤١٣	نيبال	٧٩
فلسطين	٥٣٦	فيتنام الجنوبية	١٦٤
الجنوب العربي	٧ ٨٦٥	دول اسيان و اخرى	٤١٨
ابو ظبي	٤٤١	اثيوبيا	١ ٨٤٠
البحرين	١ ٩٧٤	النيجر	٢ ٠٥٨
الشارقة	٢٩	السنغال	٢ ٠٦٧
ام القوين	٣	الصومال	١ ٥١٧
دبي	١٩٣	الكونغو كنشاسا	٣٣
راس الخيمة	٢٤	الكامرون	١ ٢٩٣
عجمان	٣٨	تنزانيا	٣٩٢
عمان	١ ٦١٧	توجو	٥٠
قطر	١ ٦٩٠	تشاد	٣٦٥
اتحاد ماليزيا	٦ ٥٩١	وسط افريقيا	١٢٩
افغانستان	٨ ٧٤٤	جامبيا	٢٨٥
		داهومي	٢١٤
		سيراليون	١٨٨
		ساحل العاج	٥٩٧
		غانا	٢٩٥
		غينيا	١ ٦١٦
		فولتا العليا	١ ١٨٤
		كينيا	٣٢٦
		ليبيريا	٤٨
		مالي	١ ٠١٠
		موريتانيا	٤ ٠٤٨
		مالاجاسي	٣٢
		موريشيوس	٤٥
		نيجيريا	١٦ ١٧٧
		يوغندا	٤٠٠
		جنوب افريقيا	١ ٣٢٣
		دول افريقية اخرى	٧٤
		البرتغال	٤١
		اليونان	١٨٣
		بريطانيا	٥٧٣
		فرنسا	٣٤٦
		يوغسلافيا	١ ٥٥٤
		دول اوربية اخرى	٤٢
		الدول الامريكية	٩٢
		دول مختلفة	٢
		الجموع	٣٧٤ ٧٨٤
		حاجا	٣٧٤ ٧٨٤

Oleh sebab kenyataan bilangan para jemaah haji yang telah menunaikan Rukun Islam yang kelima ke Makkah al-Mukarramah pada tahun ini terlewat sampainya kepada kami, maka kenyataan tersebut di atas tidak sempat kami terjemahkan ke dalam bahasa kebangsaan. Dalam kenyataan itu merangkan jumlah bilangan para jemaah haji yang datang dari seluruh dunia pada tahun 1388-1389 ini ialah seramai 374,784 orang.